



27 DEC, 2021

MySJTrace kesan kontak rapat guna teknologi `bluetooth`

Berita Harian, Malaysia





27 DEC, 2021

MySJTrace kesan kontak rapat guna teknologi 'bluetooth'

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 3

Penularan COVID-19

MySJTrace kesan kontak rapat guna teknologi 'bluetooth'

Ciri baharu boleh diguna kelmarin, orang ramai dinasihat kemas kini aplikasi

Oleh Rohaniza Idris
 roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memperkenalkan *MySejahtera Trace Feature* (MySJTrace) dalam aplikasi MySejahtera bagi memudahkan pengesanan kontak rapat kes positif COVID-19 menggunakan teknologi *bluetooth*.

Kenyataan bersama KKM dan MOSTI memaklumkan, ciri baharu itu sudah boleh digunakan mulai kelmarin dan orang ramai dinasihatkan mengemas kini aplikasi MySejahtera masing-masing.

"Bagi memastikan keberkesanan aktiviti pengesanan kontak rapat COVID-19, pengguna perlu mengaktifkan fungsi *bluetooth* pada peranti mereka sepanjang masa," kata kenyataan berkenaan.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, menjelaskan MySJTrace akan memberi maklumat secara langsung mengenai bilangan interaksi dengan pengguna lain yang juga mengaktifkan ciri berkenaan.

"Jika disahkan positif, anda boleh hantar data interaksi kepada @KKMPutraya untuk proses pengesanan kontak dibuat. Semua data interaksi adalah dirahsiakan. Ciri baharu ini sangat digalakkan apabila ke tempat awam dengan *setting indoor*, manakala ciri *checkout* tidak lagi dipakai," katanya dalam Twitternya, semalam.

Beliau menjelaskan, ciri itu sudah boleh dikemas kini melalui aplikasi Huawei, manakala untuk Google dan Apple, masih menunggu ia disenaraikan.

Fungsi MySJTrace dibangunkan bagi memenuhi keperluan *Find, Trace, Test, Isolate* dan *Support* (FTTIS) dalam pencegahan dan mengawal penularan jangkitan COVID-19. Langkah itu bagi memastikan keberkesanan aktiviti pengesanan kontak rapat kepada kes positif jangkitan CO-

VID-19.

"Apabila individu disahkan positif COVID-19, notifikasi akan diperoleh menerusi aplikasi MySejahtera bagi mendapatkan kebenaran untuk berkongsi maklumat kontak rapat yang dikesan. Selepas kebenaran diberikan, KKM akan menjalankan aktiviti pengesanan kontak rapat yang dikenal pasti," kata MOSTI.

Namun, jika individu yang didapati positif COVID-19 tidak memberikan kebenaran, MySejahtera tidak akan memberikan akses kepada KKM dan aktiviti pengesanan kontak rapat akan dilakukan secara manual.

"Aplikasi MySJ Trace menggunakan *anonymized unique user ID* (UUID) dan tidak mengumpul maklumat pengguna serta geo-lokasi. Data ini hanya boleh diakses oleh KKM dan disimpan dalam peranti pengguna untuk tempoh 14 hari. Keseluruhan proses pengesanan kontak, penyimpanan data dijamin keselamatan dan kerahsiaannya oleh kerajaan," menurut kenyataan itu.



Khairy Jamaluddin



27 DEC, 2021

MySJTrace kesan kontak rapat guna teknologi `bluetooth`

Berita Harian, Malaysia



SUMMARIES

MySJ Trace bolehkan pengesanan kontak rapat guna teknologi bluetooth Nasional 16

Penularan COVID-19

Ciri baharu boleh diguna kelmarin, orang ramai dinasihat kemas kini aplikasi

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memperkenalkan MySejahtera Trace Feature (My SJTrace) dalam aplikasi MySejahtera bagi memudahkan pengesanan kontak rapat kes positif COVID-19 menggunakan teknologi bluetooth.